

Malaysia, Thai tandatangani deklarasi

UM 28 JUL 2003

LANGKAWI 27 Julai – Malaysia dan Thailand hari ini menandatangani deklarasi bersama bagi meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua negara melalui inisiatif sektor awam dan swasta sempena Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia Thailand di sini.

Deklarasi itu ditandatangani di antara Kementerian Sa-

ins, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia dengan Kementerian Sains dan Teknologi, Thailand.

Malaysia diwakili oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding sementara Thailand diwakili Menteri Sains dan Teknologinya, Phinij Jarusombat.

Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Thaksin Shinawatra turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dan pertukaran dokumen deklarasi itu.

Deklarasi bersama itu dilihat sebagai pemangkin ke arah meningkatkan lagi persefahaman serta memacu daya saing teknologi di antara

kedua-dua negara melalui

perkongsian maklumat, kemahiran, teknologi dan sumber secara kolektif.

Dialog yang pertama kali diadakan itu adalah anjuran bersama Kumpulan Industri Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi Kebangsaan (NSTDA), Thailand.

Seramai lebih 300 peserta dari kedua-dua negara menyertai dialog berkenaan.